



---

**PEKELILING KETUA PENGARAH UKUR DAN PEMETAAN  
BIL. 3 TAHUN 2001**

---

Semua Pengarah Ukur Negeri

**PERATURAN UKUR DAN GARIS PANDUAN  
PECAH BAHAGI BANGUNAN  
(PINDAAN KE 4)**

**1. TUJUAN**

Pekeliling ini bertujuan untuk membuat pindaan kepada Pekeliling-Pekeliling KPUP Bil. 2/1991 dan Bil. 5/1996 mengenai:

- 1.1 Kaedah menunjukkan hubung kait di antara petak dengan petak aksesori dan sebaliknya di atas Pelan Akui Strata.
- 1.2 Kaedah menyediakan dan menunjukkan maklumat bagi blok sementara.

**2. LATAR BELAKANG**

- 2.1 Sebagaimana yang dikehendaki oleh Akta Hakmilik Strata 1985, hubung kait antara petak aksesori dengan petak perlu dinyatakan. Supaya lebih mudah dirujuk, maklumat hubungan petak dengan petak aksesori dan sebaliknya disediakan terus di atas Pelan Akui Strata daripada merujuknya pada Borang 1, Akta Hakmilik Strata 1985 yang tersimpan di Pejabat Pendaftar seperti amalan sekarang.
- 2.2 Mengikut Akta Hakmilik Strata 1985, pengeluaran hakmilik bagi blok sementara dibolehkan dan unit syer sementara perlu ditunjukkan di atas Pelan Akui Strata.

### 3. PINDAAN KEPADA PEKELILING KPUP

3.1 Pekeliling KPUP Bil. 5/1996 adalah dipinda dengan membatalkan para 3.5, 3.6 dan 4.0 pekeling berkenaan.

3.2 Para 13.1(b) Lampiran 'A', Pekeliling KPUP Bil. 2/1991 dipinda seperti berikut:

**(b) *Tiap-tiap petak aksesori hendaklah diperuntukkan satu nombor bersiri dengan huruf awalan "A" dan diikuti dengan nombor petak dalam kurungan bagi menunjukkan hubung kait petak aksesori dengan petak yang berkenaan.***

3.3 Para 19.1(d) Lampiran 'A', Pekeliling KPUP Bil. 2/1991 dipinda seperti berikut:

**(d) *Jadual A, B, C dan D, jika berkenaan; dan***

3.4 Para 19.5(b) Lampiran 'A', Pekeliling KPUP Bil. 2/1991 hendaklah dipinda dengan memasukkan selepas perenggan (ii), perenggan (iii) dan (iv) seperti berikut :

**(iii) *Jadual 'C' adalah untuk menunjukkan hubung kait tiap-tiap petak atau petak bertingkat-tingkat dengan petak aksesori berserta nombor Pelan Akui masing-masing (jika ada) dan jumlah unit syer bagi petak atau petak bertingkat-tingkat tersebut.***

***Jika didapati ruang di atas pelan tidak dapat memuatkan keseluruhan Jadual C, maka ianya bolehlah ditunjukkan di dalam beberapa folio.***

**(iv) *Jadual 'D' adalah untuk menunjukkan maklumat bagi setiap blok sementara yang terdiri daripada bilangan tingkat, bilangan petak dan jumlah unit syer baginya.***

3.5 Para 20.3(c) Lampiran 'A', Pekeliling KPUP Bil. 2/1991 dipinda dengan menggantikan **PA(B) 060234** dengan **PA(B) 53326** seperti di **Lampiran 'C'**.

#### 4. CONTOH JADUAL 'C' DAN JADUAL 'D' DI ATAS PELAN AKUI STRATA DAN CONTOH FOLIO

- 4.1 Contoh pelan strata dan Pelan Akui Strata yang dikembarkan bersama-sama dengan Pekeliling KPUP Bil. 2/1991 tidak lagi terpakai bagi perkara-perkara yang berkaitan dengan Jadual 'C' dan cara menomborkan petak aksesori. Penyesuaian sewajarnya adalah perlu ke atas pelan-pelan berkenaan sejajar dengan ketetapan yang telah dibuat seperti di atas.
- 4.2 Dikembarkan contoh Jadual 'C' dan Jadual 'D' di atas Pelan Akui Strata masing-masing seperti di **Lampiran 'A'** dan **Lampiran 'C'**.
- 4.3 Dikembarkan contoh folio seperti di **Lampiran 'B1'**, **'B2'** dan **'B3'**. Cara menombor dan menghubungkan kait petak aksesori dengan petak adalah seperti contoh di **Lampiran 'A'** dan **'B1'**.

#### 5. PELAKSANAAN

Pekeliling ini hendaklah dikuatkuasakan penggunaannya dengan **serta merta**. Walau bagaimanapun, semua Pelan Akui Strata yang telah disediakan mengikut peraturan terdahulu masih boleh diterima oleh Jabatan ini dalam tempoh **enam (6) bulan** dari tarikh Pekeliling ini dikeluarkan.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**



**( DATO' HAMID BIN ALI )**  
Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan  
Malaysia

Salinan dalaman:

Timbalan Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan  
Pengarah Ukur Bahagian (Pengurusan dan Pembangunan)  
Pengarah Ukur Bahagian (Penyelarasan Kadaster)  
Pengarah Ukur Bahagian (Pengeluaran Pemetaan)  
Pengarah Ukur Bahagian (Ukur Geodetik)

Salinan luaran:

Setiausaha  
Lembaga Juruukur Tanah Semenanjung Malaysia